

# Ibu bapa mangsa terima keputusan, maafkan juvana

**Kuala Lumpur:** Ibu bapa mangsa yang terbunuh dalam kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah hampir tiga tahun lalu, menerima keputusan mahkamah terhadap juvana yang membunuh anak mereka dengan hati yang terbuka.

Walaupun mengharapkan hukuman setimpal terhadap pembunuhan itu, namun ibu bapa yang kehilangan anak dalam tragedi terbabit, berlapang dada memaafkan pembunuhan anak mereka itu.

"Semua orang tidak pernah lari daripada membuat silap. Saya pun sudah lama memaafkannya dan mendoakan dia (juvana yang membunuh) menjadi insan yang berguna," kata Suriandy Mohamed, 42.

Suriandy adalah ibu kepada Muhammad Danieal Md Amin, antara mangsa yang terkorban dalam kejadian itu.

Katanya, walaupun tidak hadir mendengar keputusan hukuman dijatuhkan, namun keluarga waris mangsa terdekat memaklum-

kan perkembangan dari semasa ke semasa mengenai perbicaraan kes itu menerusi aplikasi WhatsApp.

"Keputusan mahkamah yang menjatuhkan hukuman ke atas individu yang bersalah dan menyebabkan kematian anak saya adalah setimpal dengan perbuatan yang dilakukannya. Saya berharap dia akan berubah menjadi insan yang baik dan berguna.

"Sejak dari awal lagi saya sudah memaafkannya kerana sesama manusia tidak elok kita menyimpan dendam, lagipun anak saya sudah tenang berada di sana (syurga Allah)," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Bunut Payong, Kota Bharu.

Pembantu tadbir, Ahmad Nor Ramli, 55, yang juga bapa kepada Allahyarham Muhammad Hazim, 13, menerima dengan reda keputusan mahkamah semalam.

"Saya dan keluarga cuba melupakan peristiwa pahit itu. Kalau boleh, tidak mahu lagi mengingatinya.

*Saya berharap keputusan mahkamah itu memberi kesan yang baik kepada dirinya dan menjadi contoh kepada orang lain supaya tidak mengulangi kesilapan.*

**Emmy Farizah Abd Aziz**

"Kami tak kisah apa juga keputusan mahkamah kerana ia tidak dapat mengembalikan anak kami yang sudah meninggal dunia.

"Perkara ini pun sudah lama berlaku, lebih baik kita terima dan teruskan dengan kehidupan," katanya ketika dihubungi BH.

Sementara itu, Emmy Farizah

Abd Aziz, 40, yang juga ibu kepada dua beradik, Azkar Abiedi F Zaska dan Azkar Dariemi, yang terkorban dalam kebakaran itu, berkata beliau sekeluarga berlapang dada menerima keputusan Mahkamah Tinggi, semalam.

"Sudah lama saya maafkan (tertuduh) kerana dia masih budak.

"Saya berharap keputusan mahkamah itu memberi kesan yang baik kepada dirinya dan menjadi contoh kepada orang lain supaya tidak mengulangi kesilapan," katanya.

Beliau yang menetap di Bangi, juga kerap menziarahi pusara dua anaknya yang terletak di Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang, bagi menghilangkan rasa rindu kepada mereka.

Sementara itu, pengetua pusat tahfiz itu, Mohd Zahid Mahmood, secara peribadi menyifatkan keputusan mahkamah adalah yang terbaik selepas melalui pelbagai proses perbicaraan yang memakan masa hampir tiga tahun.

"Sejujur-jujurnya kami menerima keputusan itu dengan hati yang tenang dan terbuka dan kami juga mencadangkan kepada semua ahli keluarga mangsa juga tabah dengan apa yang sudah ditentukan ini.

"Saya tidak pergi ke mahkamah, namun mengikutnya menerusi laporan berita televisyen.

"Saya menganggap mahkamah sudah memberikan satu keputusan yang terbaik selepas meneliti segera hujah sepanjang perbicaraan," katanya.

Beliau berharap keputusan itu juga menjadi satu tauladan dan pengajaran kepada ahli keluarga mereka yang didapati bersalah dalam kejadian berkenaan serta redha dengan ujian ini.

Katanya, ketika ini pusat tahfiz itu masih beroperasi dengan jumlah 20 orang pelajar dari pelbagai latar belakang, termasuk tiga pelajar yang turut berada ketika tragedi pada pagi 14 September 2017 itu.